

21 NOV 1997

Mahathir-NEAC

NEAC AKAN MENASIHATKAN KERAJAAN DALAM MENANGANI MASALAH EKONOMI

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) yang dicadangkan akan berfungsi sebagai badan penasihat kepada kerajaan mengenai langkah-langkah yang perlu diambil bagi menangani kesan kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham terhadap ekonomi negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Menurut beliau, majlis itu yang akan ditubuhkan bulan depan dianggotai oleh Menteri-Menteri Kabinet yang portfolio mereka berkaitan dengan soal ekonomi dan kalangan profesional dalam bidang itu.

Dr Mahathir berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat khas Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, yang menyokong penubuhan NEAC.

Langkah menubuhkan majlis itu telah mendapat sokongan Majlis Tertinggi Umno yang mengadakan mesyuarat khasnya malam tadi.

"Saya dapati sekali lagi semua pemimpin memberi pengakuan bahawa mereka akan mengambil tindakan-tindakan yang diperlukan bagi menangani kesan kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham terhadap ekonomi negara," kata Perdana Menteri.

Semasa mengumumkan penubuhan NEAC malam tadi, Dr Mahathir berkata, ia merupakan pendekatan yang pernah digunakan kerajaan semasa darurat.

Berikutan peristiwa berdarah 13 Mei 1969, negara telah diletakkan dalam keadaan darurat dan ditadbir oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, allahyarham Tun Abdul Razak Hussein.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, penubuhan NEAC tidak melibatkan sebarang perisytiharan darurat melainkan memusatkan segala urusan pentadbiran ekonomi negara di bawah majlis itu yang akan beliau pengerusikan sendiri.

Ketika diminta penjelasan lebih lanjut oleh pemberita mengenai NEAC hari ini, Dr Mahathir berkata, majlis itu tidak akan mengambil alih peranan Kabinet tetapi kedua-duanya akan saling berkerjasama.

Kewujudan NEAC akan membolehkan kerajaan mengambil tindakan serta merta dengan kuasa yang diberi oleh Kabinet manakala Kementerian-kementerian akan melaksanakan keputusan-keputusan yang dibuat mengikut apa yang dikehendaki oleh majlis itu, katanya.

"Ini (NEAC) adalah satu jawatankuasa yang sudah tentu tertakluk kepada Kabinet walaupun ia dipengerusikan oleh saya sendiri tetapi akan ada anggota-anggota Kabinet yang tertentu dan orang yang mempunyai peranan dalam melaksanakan kempen yang kita akan adakan.

"Jadi tidak ada percanggahan kerana kita biasa pun mengadakan badan seperti ini. Walaupun semasa MAGERAN dulu cuma ada MAGERAN sahaja, kabinet seolah-olah tidak ada peranan, tetapi masa itu ada juga kabinet yang berfungsi," katanya ketika ditanya peranan Kabinet selepas penubuhan NEAC.

Malahan, NEAC akan memberi laporan kepada Kabinet dari semasa ke semasa, kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata, antara Menteri-menteri yang terlibat dalam NEAC ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna, Menteri Perusahaan Utama dan Menteri Sumber Manusia.

"Private sector (sektor swasta) pula kita tentu hendak orang daripada bidang pembuatan, eksport, banking (perbankan), finance (kewangan). Kita belum pilih lagi tapi kemungkinan orang ini akan ada," katanya.

Perdana Menteri berkata: "Kerap kali Menteri-menteri berkenaan akan ada sama dalam NEAC. Jadi tak ada percanggahan. Bagaimanapun, saya sendiri sebagai pengerusi Kabinet akan berada bersama".

Ketika ditanya mengenai peranan BN dalam menjayakan usaha NEAC, Dr Mahathir berkata, para pemimpin parti-parti komponen BN telah diminta supaya memberi penjelasan kepada anggota masing-masing mengenai apa yang perlu mereka buat sebagai rakyat bagi memastikan kesan kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham terhadap ekonomi negara dapat di atasi.

"Saya yakin kempen yang akan kita adakan ini akan memberi kesan, dapat dilaksanakan dengan penuh tertib, disipilin dan selaras mengikut apa yang telah ditentukan oleh kita," katanya.

"Saya punya nasihat kepada Malaysians (rakyat) ialah mereka harus mempunyai kepercayaan kepada ekonomi mereka sendiri. Kalau mereka terbawa-bawa dengan tindakan orang lain, akhirnya mereka akan rugi," katanya.

Penerangan yang beliau berikan kepada ketua parti-parti komponen BN mendapat sokongan dan pengakuan mereka bahawa tindakan-tindakan yang diambil kerajaan akan dilaksanakan, katanya. -- BERNAMA

AH ZAB PR